

Mahathir anjur negara2 'simpati' bertindak...

TIMBALAN Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini, menyeru negara-negara yang sebelum ini — menaruh perhatian berat — terhadap orang-orang Vietnam supaya bertindak lebih bertanggung-jawab menerima orang 'pelarian' Vietnam.

Bellau yang enggan menyebut nama negara-negara berkenaan bagaimanapun menambah mereka janganlah "hanya pandal bercakap" sahaja tetapi bertindak lebih bertanggungjawab dengan menerima orang 'pelarian' itu kerana masalah mereka bukanlah buatan Malaysia.

Bercakap kepada pemberita selepas berucap di seminar mengenai Peranan Perusahaan Kecil Dalam Ekonomi Negara ASEAN, Dato Seri Dr. Mahathir mengemukakan negara-negara tersebut kerana menerima hanya orang 'pelarian' yang terpillih.

"Mereka mengambil orang-orang professional seperti doktor dan golongan lain dan

SINGAPURA, Khamis

meninggalkan bakinya kepada kita."

Sebaliknya, Malaysia tidak punya pilihan terhadap jenis 'pelarian' yang mendarat di pantainya.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan kemasukan 'pelarian' itu menimbulkan masalah berat kepada negara ini.

Kira-kira empat bulan lalu hanya kira-kira 4,000 orang mendarat tetapi sekarang meningkat kepada lebih 37,000 orang.

ia bukan sahaja membebankan belanja, tambahnya, tetapi rakyat tempatan mula merasakan tidak puas hati bahawa mereka sendiri telah tidak dipedulikan kerana memberi perhatian kepada orang 'pelarian' itu.

Bellau mengemukakan pertentangan sosial mungkin berlaku jika 'pelarian' itu meninggalkan pulau-pulau yang ditempatkan sekarang dan bergaul dengan penduduk tempatan.

Orang Vietnam itu ada di antaranya menukar dollar Amerika dengan ringgit kerana itu mengakibatkan inflasi dan kemarahan di kalangan penduduk tempatan, katanya.

Dato Seri Dr. Mahathir tidak

menolak kemungkinan anasir-anasir subversif menyusup di kalangan orang 'pelarian' itu.

Bagaimanapun, segala langkah akan diambil bagi mencegah perkara itu daripada berlaku, katanya.

Bellau juga berkata, Malaysia bersikap tegas bila "kami menyatakan akan mencegah mereka daripada datang" tetapi mengaku adalah sukar berbuat demikian kerana kawasan pantai negara ini luas.

Dato Seri Dr. Mahathir berkata, pertimbangan peri kemanusiaan memanglah perlu diberi pertimbangan politik.

"Kami tidak sanggup melihat mereka tenggelam dengan bot-bot mereka," katanya.

Ditanya samaada masalah itu dibincangkan dengan Perdana Menteri Vietnam, En-cik Pham Van Dong dalam lawatannya ke sini baru-baru ini, bellau berkata, ia telah dikemukakan.

Bagaimanapun, pemimpin Vietnam itu telah menyatakan orang-orang tersebut boleh pergi ke mana sahaja yang mereka suka dan tambahan pula mereka bukan sebenarnya orang Vietnam.

Dato Seri Dr. Mahathir berkata, tidak ada apa yang boleh dibuat oleh Malaysia kerana ia tidak mahu mencampuri urusan dalam negeri-negeri lain.